



Program Komuniti ParadiseLinx

(ParadiseLinx Community Programme)

16-4-1 Jalan Semarak Api 2 Off Jalan Gombak Diamond Square 53000 Setapak Kuala Lumpur

Tel: 03 4031 1172 / 018 789 4001

www.paradiselinx.com
SMART | CONVENIENT | SAFE



PARADISE LINX SDN BHD



www.paradiselinx.com



admin@paradiselinx.com

PROSEDUR TUNTUTAN SKIM TAKAFUL KEMALANGAN DIRI DAN KEILATAN KEKAL

SYARAT TUNTUTAN

1. Pampasan ke atas manfaat yang disebutkan hanya akan dibayar apabila tuntutan yang dibuat telah dibuktikan memuaskan pihak Syarikat.
2. Pampasan di bawah Keilatan Kekal akan dibayar hanya apabila Kecederaan Tubuh Badan tersebut menghalang Orang Yang Dilindungi dari melibatkan diri di dalam sebarang aktiviti perniagaan atau pekerjaan, atau melaksanakan sebarang pekerjaan, untuk pampasan atau keuntungan. Bagi menentukan Keilatan Kekal ini, situasi ini mestilah berlanjutan tanpa gangguan, sekurang-kurangnya selama dua belas (12) bulan daripada tarikh berlakunya Kecederaan Tubuh Badan dan tamat tempoh perlindungan yang mana Orang Yang Dilindungi tidak ada harapan untuk pulih.
3. Pampasan di bawah Keilatan Sementara Menyeluruh dan Keilatan Sebahagian Sementara akan dibayar hanya apabila Kecederaan Tubuh Badan tersebut, secara keseluruhannya atau sebahagiannya menghalang Orang Yang Dilindungi daripada melaksanakan sebarang pekerjaan, dalam masa dua puluh (20) hari daripada tarikh berlakunya Kemalangan.
4. Tempoh bayaran pampasan di bawah Keilatan Sementara Menyeluruh dan Keilatan Sebahagian Sementara sama ada secara berasingan atau sekali hendaklah tidak melebihi 104 minggu, dengan syarat mana-mana satu kecederaan yang berlaku daripada tarikh Orang Yang Dilindungi pertama kali diperiksa oleh Pengamal Perubatan yang berkelulusan sewajarnya.
5. Jika Manfaat Kematian atau 100% daripada Manfaat Keilatan Kekal diputuskan sebagai pembayaran pampasan menurut Perkara 1 atau 2 di atas, Manfaat Keilatan Sementara Menyeluruh dan Keilatan Sebahagian Sementara akan tamat dengan serta-merta bagi Kecederaan Tubuh Badan yang sama.
6. Manfaat Kematian dan Keilatan Kekal tidak boleh dibayar secara agregat di bawah Skim Takaful ini. Ini bermaksud bahawa jika pampasan bagi manfaat Keilatan Kekal secara agregat adalah kurang daripada 100% daripada jumlah Manfaat telah dibayar kepada Orang yang dilindungi, perlindungan Kematian dan/ atau Keilatan Kekal akan dikurangkan mengikut kadar jumlah yang dibayar daripada tarikh kemalangan sehingga tarikh luput Skim Takaful ini.
7. Jumlah pampasan yang akan dibayar setiap minggu di bawah Keilatan Sementara Menyeluruh adalah terhad seperti yang tertera di dalam Jadual tetapi tidak boleh melebihi 25% daripada gaji bulanan Orang yang dilindungi, tertakluk kepada had maksimum RM1,000.00 setiap minggu.
8. Jumlah pampasan yang akan dibayar setiap minggu di bawah Keilatan Sebahagian Sementara adalah terhad seperti yang tertera di dalam Jadual tetapi tidak boleh melebihi 12.5% daripada gaji bulanan Orang yang dilindungi, tertakluk kepada had maksimum RM500.00 setiap minggu.
9. (a) Pampasan tidak akan dibayar untuk lebih daripada satu (1) perkara Manfaat berkenaan dengan akibat daripada satu Kemalangan terhadap Orang yang dilindungi, kecuali mana-mana pampasan yang akan dibayar, tertakluk kepada Keilatan Sebahagian Sementara terdahulu atau seterusnya Keilatan Sementara Menyeluruh; dan
(b) Tiada pampasan mingguan akan dibayar sehingga jumlah keseluruhan telah dipastikan dan dipersetujui. Walau bagaimanapun, jika bayaran dibuat untuk pampasan mingguan, jumlah yang akan dibayar akan berkurangan daripada mana-mana jumlah yang boleh dituntut yang berkenaan dengan Kemalangan yang sama.
10. Jumlah pampasan yang perlu dibayar di bawah Skim Takaful ini berkenaan dengan mana-mana satu atau lebih Kemalangan ke atas Orang yang dilindungi semuanya tidak boleh melebihi jumlah terbesar yang dilindungi di bawah mana-mana satu perkara yang terkandung dalam Jadual Manfaat atau penambahan kepada Skim Takaful ini melalui Endosmen, kecuali Orang yang dilindungi akan membayar perbelanjaan perubatan sebagai tambahan.



Program Komuniti ParadiseLinx

(ParadiseLinx Community Programme)

16-4-1 Jalan Semarak Api 2 Off Jalan Gombak Diamond Square 53000 Setapak Kuala Lumpur

Tel: 03 4031 1172 / 018 789 4001

www.paradiselinx.com
SMART | CONVENIENT | SAFE



PARADISE LINX SDN BHD



www.paradiselinx.com



admin@paradiselinx.com

PELEPASAN PENERIMAAN

Pembayaran sebarang amaun yang dibayar atau dibuat oleh pihak Syarikat akan dianggap sebagai pelepasan tanggungan yang sah kepada pihak Syarikat dan akan membebaskan pihak Syarikat daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan dengannya.

PERUNTUKAN KHAS

1. KEILATAN MENYELURUH SEMENTARA

Keilatan menyeluruh sementara terhadap Orang yang Dilindungi adalah keilatan yang menghalang Orang yang Dilindungi secara menyeluruh dan sementara daripada menghadiri, melibatkan diri atau memberi perhatian kepada sebarang jenis perniagaan atau pekerjaan. Manfaat yang akan dibayar adalah pampasan secara mingguan mengikut jumlah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual sehingga jumlah maksimum bilangan minggu yang dinyatakan daripada tarikh Orang yang Dilindungi diperiksa oleh Pengamal Perubatan yang bertauliah.

2. KEILATAN SEPARA DAN SEMENTARA

Keilatan separa dan sementara terhadap Orang yang Dilindungi adalah keilatan yang menghalang Orang yang Dilindungi secara sementara daripada menghadiri, melibatkan diri atau memberi perhatian kepada sebarang jenis perniagaan atau pekerjaan tetapi tidak menyebabkannya hilang keupayaan sementara sepenuhnya. Manfaat yang akan dibayar adalah pampasan secara mingguan mengikut jumlah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual sehingga jumlah maksimum bilangan minggu yang dinyatakan daripada tarikh Orang yang Dilindungi diperiksa oleh Pengamal Perubatan yang bertauliah.

3. KHAIRAT KEMATIAN

Jumlah sekali gus seperti yang tertera di dalam Jadual akan dibayar untuk manfaat perbelanjaan pengkebumian apabila berlakunya kematian akibat Kemalangan/Penyakit ke atas Orang yang Dilindungi.



Program Komuniti ParadiseLinx

(ParadiseLinx Community Programme)

16-4-1 Jalan Semarak Api 2 Off Jalan Gombak Diamond Square 53000 Setapak Kuala Lumpur

Tel: 03 4031 1172 / 018 789 4001

www.paradiselinx.com
SMART | CONVENIENT | SAFE



PARADISE LINX SDN BHD



www.paradiselinx.com



admin@paradiselinx.com

PANDUAN TUNTUTAN

Sila rujuk kepada panduan langkah berikut untuk mengemukakan tuntutan anda.

LANGKAH 1: MENYEDIA DAN MELENGKAPKAN DOKUMEN-DOKUMEN BERIKUT

Dokumen yang diperlukan untuk **Tuntutan Kematian / Khairat Kematian**:

1. Borang tuntutan
2. Salinan sijil Program Komuniti ParadiseLinx
3. Salinan permit kubur / sijil kematian
4. Salinan kad pengenalan peserta
5. Salinan kad temujanji / buku kad rawatan / discharge note
6. Laporan polis
7. Laporan siasatan / bedah siasat

Dokumen-dokumen tambahan (**kemalangan**) yang diperlukan untuk kematian seperti berikut:

1. Salinan lesen memandu (kemalangan)
2. Keratan Akhbar, jika berkenaan (kemalangan)
3. Surat Majikan, jika berkenaan

Dokumen-dokumen tambahan (**pewaris**) yang diperlukan untuk kematian seperti berikut:

1. Borang permohonan laporan perubatan hospital (borang hospital)
2. Surat keizinan mengeluarkan laporan perubatan hospital
3. Salinan kad pengenalan pewaris
4. Salinan sijil perkahwinan (sekiranya pewaris suami/isteri) atau sijil kelahiran (bagi anak)
5. Surat akaun sumpah (sekiranya pewaris bukan suami/isteri, anak)

Dokumen yang diperlukan untuk **Tuntutan Keilatan Kekal**:

1. Borang tuntutan
2. Laporan polis (kemalangan kenderaan)
3. Laporan perubatan
4. Salinan surat 'Discharge Note' yang disahkan
5. Salinan invoice hospital
6. Sijil cuti sakit
7. Borang hilang keupayaan kekal – dilengkapi oleh doktor yang merawat
8. Kad pengenalan peserta
9. Lesen memandu (kemalangan jalan raya)
10. Surat Majikan / Surat penamatan kerja yang disahkan (untuk orang yang digaji/bekerja)
11. Gambar tubuh badan yang cedera (keilatan kekal)
12. Borang lengkap (attending physician statement)

Nota:

1. Maklumat di atas hanya digunakan sebagai panduan. Pihak syarikat berhak meminta dokumen-dokumen tambahan yang berkaitan apabila diperlukan.
2. Pewaris bertanggungjawab untuk memaklumkan kematian pada hari kejadian, kegagalan memberi notis dalam masa yang diperuntukkan dalam ini tidak akan terus membatalkan tuntutan tersebut jika Peserta/Pewaris boleh membuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberikan notis dalam tempoh tersebut dan notis telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.

LANGKAH 2: PENGHANTARAN DOKUMEN

Sebaik sahaja dokumen yang diperlukan telah lengkap, sila hantar kepada kami melalui kaedah yang tersenarai di bawah:

1. Secara atas talian : Portal Komuniti
2. Aplikasi whatsapp : +6018-7894001
3. Emel : info@paradiselinx.com
4. Ibu Pejabat : 16-4-1, Jalan Semarak Api 2, Diamond Square, Off Jalan Gombak, 53000, Setapak, Kuala Lumpur



Program Komuniti ParadiseLinx

(ParadiseLinx Community Programme)

16-4-1 Jalan Semarak Api 2 Off Jalan Gombak Diamond Square 53000 Setapak Kuala Lumpur

Tel: 03 4031 1172 / 018 789 4001

www.paradiselinx.com
SMART | CONVENIENT | SAFE



PARADISE LINX SDN BHD



www.paradiselinx.com



admin@paradiselinx.com

DEFINISI

Di bawah Skim Takaful ini:

1. **“Kemalangan”** bermaksud sesuatu peristiwa atau malapetaka yang berlaku secara tiba-tiba, tidak sengaja dan di luar jangkaan Orang Yang Dilindungi yang mengakibatkan kematian atau kecederaan tubuh badan.
2. **“Manfaat”** bermaksud jumlah perlindungan yang akan dibayar oleh pihak Syarikat apabila berlakunya tuntutan di bawah Skim Takaful ini berdasarkan kepada Manfaat yang tertera di dalam Jadual.
3. **“Kecederaan Tubuh Badan”** bermaksud kecederaan yang dialami oleh Orang Yang Dilindungi berpunca daripada musibah atau malapetaka yang tidak diduga, secara tiba-tiba, tidak disengajakan dan di luar kawalan seseorang.
4. **“Endosmen”** bermaksud bukti bertulis untuk sebarang perubahan ke atas Skim Takaful asal.
5. **“Musibah”** bermaksud Kecederaan Tubuh Badan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi berpunca dari kejadian atau peristiwa yang tidak disangka, secara tiba-tiba, tidak disengajakan dan di luar kawalan. Musibah ini menyebabkan kematian atau keilangan kekal kepada Orang Yang Dilindungi.
6. **“Orang yang Dilindungi”** bermaksud seseorang yang dilindungi di bawah Skim takafu